



Keupayaan Malaysia tarik minat kerjasama universiti Jepun

KEMAJUAN Malaysia sebagai peneraju utama dalam sektor pengajian tinggi negara ASEAN memberi keyakinan kepada Institut Teknologi Kyushu, Jepun (Kyutech) untuk menjalin kerjasama dalam bidang dan penyelidikan dengan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan berkata, UPM dan Kyutech bakal menubuhkan Kampus Super Satelit Malaysia di universiti masing-masing melalui satu memorandum persefahaman (MoU) yang ditandatangani kedua-dua institusi.

"Penubuhan kampus tersebut merupakan perluasan kerjasama

antara kedua-dua universiti itu dalam program pertukaran bidang pendidikan dan penyelidikan yang telah terjalin sejak tahun 1994," jelasnya.

Sementara itu, Presiden Kyutech, Dr. Morio Matsunaga berkata Malaysia sangat baik dari segi pertumbuhan ekonomi, sosial dan politik yang menjadi faktor pemilihan negara untuk kerjasama berkenaan.

Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan Duta Besar Jepun ke Malaysia, H.E Shigeru Nakamura menyaksikan majlis menandatangani MoU berkenaan.